

Issues and Challenges of Teaching and Learning Special Education Program students in The Inclusive Education Subject : Case Studies

Fauziah Hanim Md. Yusof ^a & Mohd Anuar Abdullah ^b

^a Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak, MALAYSIA

Email: fauziahhanim@ipgmipoh.edu.my

^b Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, MALAYSIA

Email: anuar.abdullah@moe.gov.my

Abstract: Challenges faced by Special Education teachers require approaches which are able to lessen the burden shouldered by them. These teachers strive to achieve the goals of Malaysia Education Ministry, the Zero Reject Policy, which is to accept all students that enrolled in schools. The implementation of these programs needs the expertise of special education teachers to ensure their success. This situation burdens special education teachers whom are directly responsible for the development of students with special needs. These individuals are the ones whom execute the curriculum and are essential in the accomplishment of positive results for students with special needs. Therefore, this research is done in order to strengthen the knowledge of special education teacher, so that they are prepared for any future struggles in their line of work. Professional practices that are carried out in the PISMP program, IPGM are the foundation in giving future special education teacher the exposure to the real life challenges to be faced as the educators in Special Need education in schools. This case study follows two trainee teacher which is undergoing their practicum in Sekolah Kebangsaan Coronation Park, Ipoh, Perak. Observations, interviews and documents researching are used in this study. This specific school offers mainstream school programs and special education program, which is the Inclusive Education. These two trainee teacher majors in special education, and minor in mathematics. As teachers whom are minoring in mathematics, they are required to teach the subject in the mainstream school program. The class which they are teaching are to involve the special needs students which are enrolled in mainstream classes. The findings of this study shows the strength and weaknesses of the teachers involved. These educators that are involved in inclusive education have the basics of special education knowledge. The results also highlights the issues and challenges faced by these trainee teacher in the whole duration of their 3 months practicum. The drawbacks faced during the research can be made as reference and guidelines for the further improvement of future programs.

Keywords: Special Education, Inclusive Program, Trainee Teacher

PENGENALAN

Pemasalahan guru Pendidikan Khas memerlukan satu pendekatan yang dapat merapatkan jurang bebanan yang ditanggung. Guru sedaya upaya cuba memenuhi hasrat KPM iaitu zero menerima dengan tangan terbuka sesiapa sahaja anak murid yang diterima masuk ke sekolah. Perlaksanaan semua program ini, memerlukan kepakaran guru pendidikan khas sebagai satu elemen terpenting bagi menjayakannya. Keadaan ini telah memberi cabaran kepada guru pendidikan khas yang berperanan secara langsung untuk membangunkan modal insan murid berkeperluan khas (MBK) dalam proses perkembangan pembelajaran. Guru-guru ini merupakan pelaksana kurikulum dan menjadi teras dalam menentukan kejayaan MBK. Di Institut Pendidikan Guru Malaysia menawarkan pembelajaran major Pendidikan Khas bagi menyediakan guru Pendidikan Khas kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Siswa guru terlatih ini menerima pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh lima tahun

pengajian di IPG sebelum di tempatkan di mana-mana sekolah yang memerlukan khidmat mereka. Siswa guru perlu menjalani tempoh praktikum sebanyak dua kali iaitu fasa I dan fasa II. Manakala setiap kali praktikum mengambil masa selama 12 minggu.

Objektif praktikum untuk siswa guru IPGM adalah :

- Menyatupadukan teori dengan amali pdpc.
- Mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran pdpc.
- Mengaplikasi kemahiran mentaksir dan menilai.
- Mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pdpc berdasarkan tema yang telah ditetapkan.
- Memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai profesionalisme keguruan.
- Memperkembangkan potensi diri sebagai pendidik melalui pembinaan portfolio dengan mengamalkan refleksi dan penilaian sendiri.
- Mengoptimumkan kegunaan pelbagai sumber dan teknologi dalam proses pdpc.
- Menguasai kemahiran fasilitator
- Menguasai pelbagai strategi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum

Siswa guru perlu mengajar sepuluh waktu seminggu (Bidang Teras: 6-10 waktu dan Elektif Teras: 2-4 waktu). Ini bermakna siswa guru dalam kajian ini perlu mengajar 4 waktu dalam subjek elektif teras mereka iaitu subjek matematik. Walaupun mereka merupakan guru Pendidikan Khas tetapi subjek matematik mereka ditugaskan untuk mengajar dalam kelas arus perdana yang mengamalkan program pendidikan inklusif. Kajian akan menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran dalam kelas subjek matematik ini.

PERNYATAAN MASALAH

Bagi memenuhi keperluan dan kualiti siswa guru ini, pelbagai persoalan bermain difikiran seperti adakah siswa guru mendapat bimbingan yang mencukupi bagi menjadi guru Pendidikan Khas yang berkualiti dan cemerlang? Apakah kurikulum dan kokurikulum yang ditawarkan oleh IPGM memenuhi kriteria yang diperlukan? Bagaimana kualiti siswa guru yang telah tamat tempoh pengajian ini memenuhi hasrat KPM yang termaktub dalam Pelan transformasi PPP? Apakah kebaikan dan keburukan pengalaman yang diperoleh semasa praktikum? Di mana lagi yang boleh dibuat penambahbaikan bagi menghasilkan siswa guru yang berkualiti dan memenuhi hasrat negara?

RASIONAL KAJIAN

Kajian ini perlu dilakukan agar permasalahan asas dapat dikenalpasti dan dibuat penambahbaikan. Penyelidikan yang mendalam dapat dilakukan demi melahirkan guru Pendidikan Khas yang berkualiti menepati objektif praktikum siswa guru IPGM dan dapat memenuhi aspirasi Pendidikan Negara.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti secara mendalam masalah semasa PdPc dalam program pendidikan inklusif yang dihadapi siswa guru semasa praktikum.
- ii. Mengenal pasti keperluan yang masih belum dipenuhi (kelompangan) bagi menghasilkan siswa guru yang mantap dalam memenuhi aspirasi Pendidikan Khas itu sendiri.

SOALAN KAJIAN

- i. Apakah masalah yang besar yang dihadapi oleh siswa guru dalam PdPc.
- ii. Di mana keperluan yang masih perlu diberi penekanan agar dapat menghasilkan siswa guru yang lebih mantap?

KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian dapat diselidik dengan lebih mendalam dan saranan penambahbaikan dapat dilakukan dan boleh dijadikan panduan kepada pembuat dasar. Pencetus kepada kajian yang lebih mendalam oleh para penyelidik.

BATASAN KAJIAN

Dapatan kajian kualitatif tidak boleh dibuat generalisasi kepada populasi melainkan kepada individu atau kumpulan yang mempunyai ciri-ciri yang sama atau hampir sama.

LITERATUR

Kajian kes boleh dibuat ke atas seorang individu, sekumpulan individu, sekumpulan sosial, satu organisasi atau sesebuah institusi (Ary, Jacobs & Azavieh, 2006). Kajian ini dijalankan bersesuaian dengan objektif kajian dan situasi yang dihadapi. Siswa guru mendapat pengalaman sebenar dan bermakna semasa praktikum. Bagi memberi manfaat kepada lebih ramai siswa guru maka kajian ini dilakukan. Matlamat kurikulum pendidikan khas masalah pembelajaran adalah menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel untuk memenuhi keperluan individu ke arah kehidupan bermakna (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004).

Menyedari wujudnya hubungan antara penyampaian ilmu dan pengurusan bilik darjah terhadap pencapaian akademik pelajar seperti dalam Rajah 1, James (2014) berpandangan bahawa pemberatan yang diberikan oleh guru dalam kedua-dua dimensi tersebut haruslah sama. James (2014) dalam Aney Marinda Muhammad Amin & Norasmah Othman (2019) menjelaskan pengajaran berkesan mengandungi pembahagian masa iaitu 15 peratus untuk pengelolaan bilik darjah, 50 peratus untuk penyampaian ilmu, dan 35 peratus untuk pengawasan dan penyeliaan kerja pelajar. Pengurusan bilik darjah juga merangkumi tingkah laku guru dan tahap pengetahuannya.

Kredibiliti guru turut ditentukan dalam perancangan dan pemilihan bahan pengajaran yang bersesuaian (Mohd Sahandri Gani & Saifuddin Kumar, 2007). Selain itu, pengetahuan terhadap model pengubahsuaian tingkah laku yang efektif juga membantu guru lebih kreatif dan inovatif dalam penyampaian pengajaran. Guru juga perlu memikirkan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid apabila mengajar (Noriati, Boo, & Wong, 2010). Justeru, pengurusan tingkah laku memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku positif, memberi keyakinan diri serta meningkatkan pencapaian akademik murid bermasalah pembelajaran. Halangan kepada keberkesanan komunikasi guru dalam bilik darjah ialah sikap atau tingkah laku dan sosioemosi guru itu sendiri (Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji, 2014). Guru yang efektif dapat mengukuhkan ingatan muridnya terhadap sesuatu topik menerusi lokomotor dan bahan yang menarik dengan persembahan yang dinamik (Zainul Ishak, 2006). Minat belajar mempunyai kaitan dengan rasa seronok untuk belajar sebagaimana kajian lepas mendapati minat belajar yang rendah terhadap sesuatu mata pelajaran disebabkan oleh tidak ada rasa seronok semasa belajar. Sebagai pembentuk tingkah laku, guru pendidikan khas perlu memahami cara mengurus tingkah laku demi membentuk insan yang mampu berfikir pada aras yang tinggi, menyelesaikan masalah secara berdikari dan menghargai keunikan individu. Guru pendidikan khas perlu tahap pengetahuan yang tinggi dan kebijaksanaan untuk mengurus tingkah laku murid secara profesional berlandaskan falsafah dan teori tingkah laku yang bersesuaian (Noor Aini Ahmad & Norhafizah Abu Hanifah, 2015).

Kursus-kursus berkaitan KBAT diperlukan oleh guru dan merasakan kursus yang dihadiri belum mencukupi untuk menerapkan KBAT semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Mohd Nazri Hassan et al., 2017). Begitu juga dapatan kajian oleh Badrul Hisham & Mohd Nasruddin (2016) yang melihat kepada amalan PdPc abad ke 21 dalam kalangan pensyarah IPG berkaitan amalan KBAT yang berasaskan kemahiran pemikiran kritikal perlu ditingkatkan.



Sumber: James 2014

RAJAH 1. Hubungan dimensi penyampaian dan pengurusan bilik darjah terhadap pencapaian akademik pelajar

METODOLOGI

Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan pensampelan tujuan (purposive sampling) yang menepati sebab dan kriteria khusus pemilihan mereka berdasarkan permasalahan penyelidikan yang hendak dikaji dan dilakukan tinjauan secara mendalam bagi memastikan pemilihan yang tepat. Ini juga berdasarkan pendapat Ary et al. (2006) yang menyatakan bahawa pensampelan bertujuan berguna untuk kajian yang berkaitan tentang sikap dan pendapat. Kajian kes ini melibatkan dua orang siswa guru major Pendidikan Khas dan minor matematik. Mereka telah menjalani praktikum kali ke dua selama tiga bulan di sebuah sekolah yang mengamalkan Program Pendidikan Inklusif. Setiap mereka mengajar empat waktu seminggu subjek matematik ini. Responden A ditugaskan mengajar matematik tahun 3 dan responden B mengajar matematik untuk tahun 4. Kelas yang diajar oleh responden A ada seramai 20 orang murid dan dalam kalangan mereka terdapat 3 orang murid Pendidikan Khas yang berada dalam kelas tersebut. Manakala Responden B yang mengajar tahun 4, muridnya ada seramai 21 orang dan tiga daripadanya merupakan murid Pendidikan Khas.

Reka bentuk Kajian

Kajian kes intrinsik iaitu untuk mendapat pemahaman yang lebih terperinci dan untuk mengetahui perkara sebenar dengan lebih spesifik. Kajian ini juga bersifat *ex post facto* kerana kajian ini menelusuri kembali sesuatu peristiwa atau menelusuri ke belakang untuk menyelidik faktor-faktor yang menimbulkan keadaan tersebut. Kajian secara kualitatif dengan pemerhatian di dalam kelas, semakan dokumen dan temubual dengan sampel dan orang yang berada disekeliling mereka. Berdasarkan kepada penyeliaan sebanyak tiga kali oleh pemantau dan 4 kali oleh guru pembimbing, analisa dan dapatan kajian seperti perenggan di bawah. Manakala hasil temu bual bertujuan mendapatkan maklumat lanjutan berhubung dengan gaya pembelajaran siswa pelatih dan juga untuk tujuan triangulasi.

KEPUTUSAN DAN ANALISIS KAJIAN

Didapati, sikap positif guru bagi aktiviti membuat perancangan ujian, membina item, mentadbir ujian, membuat penskoran, menganalisis eviden, mengaplikasikan maklumat pentaksiran dan membuat pelaporan ujian berada di tahap yang rendah. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Pentaksiran Sekolah tidak memberikan kesan yang positif terhadap pembentukan sikap positif guru terhadap pentaksiran (Ramlah, Jamal & Analisa, 2015) Sebagai seorang siswa guru yang telah menjalani praktikum fasa I pada semester 5 dan sekarang berada di sekolah untuk menjalani praktikum fasa II pada semester 7, aspectation untuk melihat siswa guru menjalankan PdPc dalam kelas sangatlah tinggi.

Respondan A telah berada di sekolah selama 3 minggu. Penyeliaan pertama penyelidik bermula pada minggu ke tiga ini. Berdasarkan kepada rancangan pengajaran harian (RPH), pengajaran responden A di bawah tajuk Hari dan Minggu. Contoh-contoh yang diberi sangat terhad dan hanya tertumpu kepada angka-angka tanpa mengaitkan dengan kehidupan seharian. Tonasi guru juga tidak sesuai dengan keadaan dan suka mengugut

“ Dengar cakap cikgu kalau tidak cikgu tidak benarkan rehat..”

“ Dengar cakap cikgu kalau tidak cikgu tak nak teruskan mengajar..”

Penjelasan dan penerangan konsep hanya terus diberitahu tanpa menyoal untuk tujuan merangsang murid berfikir dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Contoh-contoh yang digunakanpun tidak menunjukkan peningkatan soalan dari senang kesusah. Pemerhatian juga menunjukkan guru tidak menyediakan lembaran kerja yang berlainan untuk kerja kumpulan sedangkan dalam kelas murid terdiri daripada pelbagai tahap termasuk dua orang murid MBK. Murid yang berada pada tahap yang tinggi mula berasa bosan dengan latihan yang mudah dan murid lemah berasa tersangat susah untuk menyelesaikan lembaran kerja tersebut. Perlu di ingat siswa guru ini merupakan major Pendidikan Khas. Persoalannya kenapa mereka di tugaskan mengajar subjek minor mereka iaitu matematik untuk murid di arus perdana? Hakikatnya dalam keadaan sebenar guru Pendidikan Khas tidak akan mengajar murid arus perdana malah mereka akan terus ditugaskan untuk mendidik murid Pendidikan Khas. Temubual dengan beberapa guru dalam perkhidmatan mengiakan keadaan tersebut dan disokong oleh Penolong Kanan Pendidikan Khas. Apabila seseorang guru Pendidikan Khas ditugaskan di sekolah, mereka hanya tertumpu kepada murid dalam Pendidikan Khas manakala guru lain yang bukan Pendidikan Khas akan bertugas untuk murid arus perdana malah mereka ini tidak juga akan bertugas untuk Pendidikan Khas dalam PdPc. Tetapi bagi tugasan

aktiviti atau program sekolah yang melibatkan semua warga sekolah sememangnya ada kolaborasi dan saling bekerjasama dalam kalangan guru-guru ini.

Pada hari yang sama tetapi masa yang berlainan penyeliaan di teruskan ke atas Respondan B yang sangat lembut tutur katanya. Pada awalnya PdPc tergendala selama hampir 6 minit sebab responden perlu memujuk seorang MBK yang tidak dalam mood yang baik dan merajuk. Kesian kepada murid lain yang terpaksa berkorban masa menunggu untuk mula belajar tetapi guru terpaksa pula meluangkan masa memujuk untuk seorang murid MBK yang berada dalam kelas arus perdana ini. Enam minit telah berlalu, sekarang guru akan mulakan PdPc beliau pada hari tersebut. Pemerhatian menunjukkan guru masih boleh mengawal keadaan. Tajuk hari ini adalah “Pembahagian panjang” dan contoh yang dikemukakan bagi menjelaskan konsep yang diperkenalkan lebih berkualiti dari segi senang ke susah dan responden ada mengaitkan dengan kegunaan dalam kehidupan seharian. Cuma yang paling ketara sama seperti responden A di mana konsep matematik terus diterangkan oleh guru tanpa membawa murid untuk berfikir atau merangsang murid berfikir dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Guru perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran pedagogi KBAT dalam usaha untuk meningkatkan KBAT dalam kalangan murid (Mohamad Nurul Azmi, Nurzatulshima, Umi Kalthom & Mohd Hazwan, 2017). Responden B juga tidak menyediakan kepelbagaian aktiviti atau lembaran kerja yang pelbagai tahap semasa aktiviti kumpulan. Perlu diingat bahawa dalam kelas darjah

4 ini juga mempunyai murid MBK yang memerlukan lembaran kerja yang lebih mudah berbanding murid arus perdana yang lain. Yang menjadi kehairanan, guru ini adalah major Pendidikan Khas yang sepatutnya lebih prihatin untuk menyediakan pelbagai tahap lembaran kerja untuk kepelbagaian tahap MBK. Di mana salahnya untuk tidak memiliki kesedaran ini? Sedangkan mereka sekarang menjalani praktikum fasa II. Di mana kelemahan ini tidak sepatutnya terjadi. Kemahiran dan strategi PdPc guru masih lemah.

ANALISIS BANDINGAN

Merujuk kepada borang Bimbingan Praktikum Elektif Teras yang digunapakai masa kini semasa penyeliaan praktikum dilaksanakan, terbahagi kepada empat bahagian. Dalam kajian ini hanya satu bahagian sahaja yang diambil kira iaitu Bahagian A: Perancangan dan Pelaksanaan yang mempunyai 15 aspek tetapi dalam kajian hanya melihat kepada dua aspek sahaja yang merangkumi dan berkaitan dengan objektif kajian ini. Aspek yang diperhatikan adalah aspek c: Strategi Pengajaran dan Pembelajaran dan aspek e: Unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Aspek ini dipilih berdasarkan dokumen analisa data keseluruhan yang menunjukkan peratusan dua aspek ini yang paling rendah. Perbandingan antara responden A dan responden B, di akhir bimbingan responden B lebih menonjol dengan perubahan yang lebih baik berbanding responden A. Data dokumen yang diperoleh responden A mendapat 84 peratus manakala responden B mendapat 87 peratus markah keseluruhan praktikum 2. Dapatan kajian selari dengan kajian oleh Aliza et al. (2002) dan Ho (2005) yang mendapati tahap pengetahuan guru pendidikan khas adalah sederhana berkaitan pengurusan tingkah laku untuk murid bermasalah pembelajaran.

Aspek c: Strategi pengajaran dan pembelajaran

Responden A dan responden B kedua-duanya membuat kesalahan yang sama iaitu tidak menyediakan lembaran kerja yang pelbagai tahap. Mereka hanya menyediakan satu lembaran kerja yang sama untuk semua murid. Sedangkan murid di dalam kelas mempunyai tahap penerimaan yang berbeza. Ini dibuktikan dengan lembaran kerja yang ditinggalkan kosong, atau hanya meneka jawapan tanpa tahu jalan penyelesaian ataupun telah siap semuanya bagi murid yang memerlukan lembaran kerja bertahap pengukuhan. Contoh-contoh kiraan yang dikemukakan pada masa penerangan konsep dilakukan tidak mencabar minda murid, malah berada pada tahap tersangat rendah, tidak berkembang dan bersifat tertutup. Kajian Nor Anisa (2005) yang mendapati guru pendidikan khas perlu memiliki pengetahuan yang tinggi untuk mengubah tingkah laku yang diinginkan. Strategi PdPc juga sangat lemah dan tidak ada kreativiti yang ditunjukkan. Penerangan konsep dengan contoh-contoh seterusnya lembaran kerja diedarkan untuk murid menyiapkannya. Strategi yang bosan dan tidak kreatif. Sedangkan kita tahu bahawa guru perlu menimbulkan suasana yang seronok dan mengaitkan dengan kegunaannya dalam kehidupan seharian. Di dalam Model Pengurusan Kelompok Kounin (1971), beliau telah menyatakan beberapa elemen penting yang terdapat di dalam model ini. Elemen-elemen tersebut ialah Withitness (merangkumi semua), overlapping (bertindih), Kelancaran, Momentum dan Fokus Kumpulan. Model ini boleh dijadikan panduan kepada siswa guru dalam melihat kepada pengajaran dan pembelajarannya. Tahap pengetahuan guru perlu berada pada tahap tinggi dalam menguruskan tingkah laku murid, memberi penegasan positif mahupun penegasan negatif (Noor Aini Ahmad dan Norhafizah Abu Hanifah, (2015). Guru juga perlu berpengetahuan untuk mewujudkan kesediaan murid dengan melihat kepada motivasi intrinsik murid. Menggunakan teknik penyebatan kemahiran berfikir memberi kesan positif merangsang motivasi intrinsik dan pencapaian prestasi serta pembelajaran murid dalam kelas (Badariah, Nurulhuda & Razak, 2016).

Aspek e: Unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Tahap persoalan yang Responden A kemukakan semasa PdPc berada pada tahap KBAR. Boleh dikatakan semua penerangan dinyatakan, diarahkan dan dikehendaki pelajar mengikut sebagaimana kehendak atau arahan guru. Contoh-contoh yang dikemukakan berada pada tahap mudah dan tidak mencabar bagi murid yang sederhana dan cemerlang. Soalan yang dikemukakan hanya memerlukan jawapan ya atau tidak, betul atau salah. Kemahiran menyoal berada pada tahap rendah berdasarkan Taksonomi Bloom. Manakala responden B lebih baik dalam teknik penyoalan tetapi soalan yang dikemukakan masih di tahap rendah ke sederhana iaitu setakat pengetahuan dan pemahaman mengikut Taksonomi Bloom. Sehubungan itu, KBAT di definisi dalam kurikulum pendidikan sebagai keupayaan murid untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM,2013a). Aras mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta menjadi asas definisi KBAT yang diguna pakai oleh KPM ini berdasarkan hierarki Taksonomi Bloom (1956). Kajian Sukiman et al. (2012) mendapati guru kurang mengamalkan soalan terbuka aras tinggi. Soalan berbentuk tersebut boleh menggalakkan pemikiran jika digunakan secara berkesan. Dapatan tersebut selari dengan Supramani (2006) yang menyatakan bahawa guru mempunyai kecenderungan untuk mengemukakan soalan kognitif aras rendah berbanding dengan soalan kognitif aras tinggi. Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim (2011) juga menyatakan guru kurang mahir dalam teknik penyoalan di dalam bilik darjah. Pengetahuan dan kemahiran teknik menyoal harus dimiliki guru bagi membolehkan guru untuk mengutarakan soalan-soalan yang sesuai bagi menggalakkan pemikiran. Penerapan KBAT dalam semua mata pelajaran memerlukan usaha yang berterusan daripada guru. Yahya Othman (2014) menjelaskan bahawa guru perlu menguasai dan mendalami ilmu berkaitan kemahiran berfikir sebelum mengamalkan atau mengaplikasikan ilmu tersebut ke dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, guru perlu membuat pelbagai rujukan dan mencari maklumat berkaitan KBAT untuk memastikan penguasaan optimum dalam bidang tersebut sebelum mempraktikkannya.

PERBINCANGAN DAN INTERPRETASI BAGI SOALAN KAJIAN

i. Apakah masalah yang dihadapi oleh siswa guru dalam PdPc.

Dapat disenaraikan masalah utama dihadapi oleh siswa guru adalah dalam mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran. Manakala siswa guru juga tidak mahir dalam menyoal ke arah kemahiran berfikir aras tinggi. Guru bertanggungjawab dalam mengurus dan melaksanakan aktiviti intelektual dalam bilik darjah dan sekali gus membantu kepada pembentukan masyarakat yang berfikiran aras tinggi. Menurut Dewey & Bento (2009), penerapan kemahiran berfikir dalam bilik darjah dapat meningkatkan keupayaan kognitif dan pencapaian murid terutamanya di peringkat sekolah rendah. Siswa guru perlu memantapkan diri dengan teknik penyoalan yang menjurus kepada KBAT dan menyediakan PdPc ke arah merangsang KBAT dalam kalangan murid.

ii. Di mana keperluan yang masih perlu diberi penekanan agar dapat menghasilkan siswa guru yang lebih mantap?

Latihan yang banyak dan berkualiti harus diberi penekanan di bawah strategi dalam pedagogi dan bagaimana untuk merangsang kemahiran berfikir murid dengan soalan-soalan dan aktiviti-aktiviti menjurus kepada KBAT. Dapatan kajian oleh Noor Aini Ahmad dan Norhafizah Abu Hanifah, (2015) mendapati tahap pengetahuan guru dibahagikan kepada tiga iaitu cara mengurus tingkah laku dan peneguhan positif sangat baik manakala peneguhan negatif bagi tujuan menghalang tingkahlaku yang tidak diingini berulang dapat dilaksanakan dengan baik oleh guru. Ini juga bertepatan dengan teori tingkah laku Ajzen (2006) yang menyatakan pengalaman lampau merujuk kepada tabiat sebab setiap tingkah laku biasanya akan menjadi satu kebiasaan. Ini memberi pengetahuan kepada kita semua untuk sentiasa memperkasakan ilmu dalam bidang-bidang berkaitan. Kaedah mengaplikasikan KBAT dengan menggunakan strategi yang pelbagai seperti penyelesaian masalah berkaitan kejadian sebenar, eksperimen, projek dan sebagainya, kesemua ini memerlukan kepakaran seorang guru (Barak, Ben-Chaim & Zoller (2007). Kemahiran PdPc Abad ke 21 seperti kemahiran pemikiran kritikal, kemahiran komunikasi, refleksi, kemahiran kolaborasi, pentaksiran, penyelesaian masalah, teknologi, kreativiti dan kemahiran inovasi dan keupayaan membuat keputusan tepat sangat diperlukan dalam menguasai pedagogi sebagai seorang pendidik (Badrul Hisham & Mohd Nasruddin, 2016).

KESIMPULAN

Banyak lagi keperluan dalam amalan profesional siswa guru perlu diberi penekanan dan ketelitian. Kajian yang lebih mendalam dan meluas perlu dibuat agar penghasilan guru dapat ditingkatkan kualitinya. Pengurusan tingkah laku merupakan satu aspek penting yang harus diketahui dan difahami oleh setiap guru pendidikan khas terutama guru pendidikan khas yang baharu melapor diri dalam perkhidmatan. Bagi meningkatkan lagi tahap kemahiran guru untuk mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran apabila mengajar maka penataran kursus dalam perkhidmatan, pembinaan modul dan mengadakan bengkel berkaitan pengurusan tingkah laku dalam kalangan guru pendidikan khas wajar diberi perhatian dengan merancang dari semasa ke semasa oleh pihak berwajib seperti PPD ataupun JPN. Dalam hal ini, guru berperanan penting dalam menentukan proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan unsur-unsur KBAT bagi melatih pemikiran aras tinggi murid di sekolah rendah lagi. Guru-guru perlu bersedia dan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai KBAT agar elemen KBAT ini dapat diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan, kemahiran serta sikap guru akan menjadi penentu dalam menjayakan pelaksanaan elemen KBAT dan pengurusan strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Ajzen, I. (2006). Behavioral intervention based on the theory of planned behavior. [Http://people.umass.edu/ajzen/pdf](http://people.umass.edu/ajzen/pdf)
- Aliza Alias, Norshidah Mohd Salleh, & Mohd Mokhtar Tahar. (2002). Kemahiran guru-guru khas terhadap pengurusan tingkah laku pelajar berkeperluan khas. Prosiding Seminar Kebangsaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Aney Marinda Muhammad Amin & Norasmah Othman (2019). Pengurusan Bilik Darjah Guru Baharu yang Mengikuti Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44(1)(2019): 21-27
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Razavieh, A. (2006). Introduction to research in education (Edisi ke 7). Belmont: Thomson Wadsworth.
- Badariah binti Hashim, Nurulhuda binti Abd Rahman & Razak Abd Samad bin Yahya (2016). Kesan Teknik Penyelesaian Kemahiran Berfikir Terhadap Motivasi Intrinsik Murid Dalam Tajuk Haba, Fizik Tingkatan Empat. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh*. Jld 10: 118-136.
- Badrul Hishan bin Alang Osman & Mohd Nasruddin bin Basar (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh*. Jld 10:1-25.
- Barak, M., Ben-Chaim, D., & Zoller, U. (2007). Purposely teaching for the promotion of higher-order thinking skills: A case of critical thinking. *Res Sci Educ*, 37, 353-369.
- Dewey, J. & Bento, J. (2009). Activating children's thinking skills (ACTS): The effects of an infusion approach to teaching thinking in primary school. *British Journal of Educational Psychology*. 79(2), 329-351. https://en.wikibooks.org/wiki/Classroom_Management_Theorists_and_Theories/Jacob_Kounin
- Ho Sew Ching. (2005). Program pengurusan tingkah laku untuk murid yang mempunyai kecelaruan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD) di kelas Program Integrasi Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Academic exercises. Universiti Kebangsaan Malaysia
- James Ang Jit Eng. (2014). Pengurusan Bilik Darjah: Strategistategi Mewujudkan Komuniti Pembelajaran Berkesan. Selangor: PTS Akademia
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2001). Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Kuala Lumpur; Pusat Perkembangan Kurikulum
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). Huraian sukatan pelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran sekolah rendah dan menengah bidang pengurusan kehidupan. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). Kurikulum standard sekolah rendah pendidikan khas (masalah pembelajaran) pengurusan kehidupan tahun empat. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (Guru dan Pemimpin Sekolah) Kementerian Pendidikan Malaysia. Edisi 2014. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramlah, A.K, Jamil, A & Analisa, H. (2015). Pembentukan Sikap Postif Guru Terhadap Perlaksanaan Aktiviti Pentaksiran. *Journul of Persornalize Learning*, I(1): ms77-84.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji (2014). Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah Dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers)* Vol. 5, pp.59-77, ISSN 1985-3637.

- Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha, Nik Azimah Nik Yusuff & Rosnidar Mansor (2017) Pembangunan modul kemahiran berfikir aras tinggi di dalam mata pelajaran sains sekolah rendah: Analisis keperluan guru. *Sains Humanika*, 9, 119-125
- Mohamad Nurul Azmi Mat Nor , Nurzatulshima Kamarudin, Umi Kalthom Abdul Manaf & Mohd Hazwan Mohd Puad (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Sekolah Rendah . *International Journal of Education and Training (InjET)* 3(2) November: 1- 7.
- Noor Aini Ahmad dan Norhafizah Abu Hanifah (2015). Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Apabila Mengurus Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 30, ms73–88.
- Nor Anisa Musa. (2005). Modifikasi tingkah laku melalui kemahiran asas guru dan guru sebagai kaunselor dan motivator dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak. Universiti Malaya. Retrieved from <http://www.scribd.com/doc/28238700/Modifikasi-Tingkah-Laku-Melalui-Kemahiran-Asas-Guru>

- Noriati A. Rashid, Boo, P. Y., & Wong, K. W. (2010). Asas kepimpinan dan perkembangan professional guru. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad, & Mohd Uzi Dollah (2012). Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi: Persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia, 2(1), 18-36
- Supramani. S. (2006). Penyoalan guru: Pemangkin pemikiran aras tinggi murid. Jurnal Pendidikan. 225-246
- Yahya Othman (2014) Peranan guru bahasa Melayu dalam merangsang kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Dewan Bahasa. 14(25). 20-24
- Zainul Ishak (2006). Panduan kesihatan dan keselamatan kanak-kanak. Selangor: Loh Print.
- Zamri Mahamod & Nor Razah. Lim (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. 1(1), 51 - 65